

19 JUN 1999

Umno-Bahas (Ucapan)

PENYINGKIRAN ANWAR TAK JEJAS UMNO PULAU PINANG

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Pemecatan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak menggugat kekuatan Umno Pulau Pinang walaupun beliau pernah mengetuai badan perhubungan Umno negeri itu, Perhimpunan Agung ke 53 parti itu diberitahu hari ini.

"Jangan bimbang dengan cerita kononnya Pulau Pinang akan lingkup dalam pilihan raya umum akan datang," kata wakil Pulau Pinang, Datuk Haji Mohamed Zain Omar semasa berucap menyokong usul ucapan dasar presiden parti.

Beliau berkata penjelasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa menyampaikan ucapan dasarnya semalam mengenai isu penyingkiran Anwar, telah memberikan Umno Pulau Pinang maklumat serba lengkap untuk diterangkan kepada rakyat negeri itu.

"Terima kasih saya ucapkan kepada Datuk Presiden parti kerana memberi maklumat yang jelas mengenai isu Datuk Seri Anwar," katanya..

Mohd Zain juga memberi jaminan bahawa semua bahagian Umno Pulau Pinang tetap menyokong Dr Mahathir.

Beliau juga meminta parti memberi perhatian terhadap masalah kehilangan nama pendaftar pengundi di negeri itu yang disifatkannya sebagai membimbangkan.

"Kira-kira nama 120 orang tiba-tiba hilang sedangkan nama mereka yang dah meninggal dunia masih tidak dipadam dalam daftar pengundi...jangan-jangan ada ahli parti Keadilan," katanya.

Beliau berharap agar Dr Mahathir dapat meneliti masalah itu kerana jika ada orang boleh mempermainkan-mainkan Umno, ada kemungkinan orang yang bertanggungjawab itu berbuat demikian terhadap Dr Mahathir dan yang lain.

Mohd Zain juga menyentuh mengenai novel "Shit" karangan Datuk Shanon Ahmad dan menyifatkan Sasterawan Negara itu sebagai "shit" yang sebenar kerana "shit" adalah singkatan untuk "Shanon Itu Tahi".

Beliau juga menyarankan agar anggota dan pemimpin Umno mendekati diri dengan golongan muda terutama pelajar dan mengadakan majlis dialog atau perjumpaan bagi membolehkan mereka memahami perjuangan Umno.

Wakil Selangor Datuk Mohd Mokhtar Ahmad Dahlan pula menimbulkan isu Majlis Peguam yang dikatakannya semakin hari semakin lantang dan sentiasa mengkritik kerajaan seolah-olah semua kerajaan buat tidak kena.

Beliau berkata akta berkenaan Majlis Peguam perlu dipinda seperti negara-negara Komanwel lain yang mempertanggungjawabkan Peguam Negara sebagai Presidennya.

"Langkah ini perlu supaya semua karut-marut (yang ada sekarang) dapat dihentikan," tegas beliau.

Mohd Mokhtar juga meminta pertubuhan belia seperti MAYC dan 4B menyusun semula struktur organisasi bagi menarik para belia kepada kegiatan sihat dan bagi membolehkan persatuan-persatuan itu kekal relevan di alaf baru.

Katanya Umno juga perlu pro-aktif bagi mendampingi para belia yang kini terlibat dengan gerakan reformasi dan mengembalikan mereka kepada akar budaya Melayu yang sebenar.

Datuk Darus Salim Bulin, wakil dari Negeri Sembilan pula berkata wabak Japanese Encephalitis (JE) yang melanda negeri itu membawa beberapa hikmah yang harus dijadikan pengajaran. Umpamanya sesuatu yang kotor akan membawa penyakit dan menekankan kebenaran Islam yang melarang pemakanan daging babi.

Ia juga menunjukkan bahawa sebarang usaha yang dijalankan secara kotor dan tidak diuruskan dengan baik akan menimbulkan pelbagai masalah.

"(Ekoran wabak itu) kerajaan negeri sudah membuat keputusan supaya ternakan babi dilakukan di kawasan khas di Bukit Pelanduk dan mempunyai kolam kumbahan yang perlu diluluskan Jabatan Alam Sekitar," katanya.

Darus Salim menegaskan Kementerian Kesihatan sudah mengisytiharkan Negeri Sembilan kini bebas daripada wabak JE dan orang ramai dijemput berkunjung ke negeri itu sempena Tahun Melawat Negeri Sembilan 1999.

Wakil Sabah Datuk Dr Yusof Yaacob berharap kemenangan Umno dan kekalahan PAS di semua enam kerusi yang ditandinginya dalam pilihan raya negeri itu Mac lepas memperkuatkan semangat para anggota Umno.

Katanya calon-calon PAS bukan sahaja kalah teruk tetapi hilang wang pertaruhan masing-masing dan inilah yang harus menaikkan semangat Umno untuk berdepan dengan PAS pada pilihan raya umum akan datang.

Menurutnya kemenangan itu disebabkan oleh beberapa faktor termasuk kesungguhan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam membela rakyat Sabah.

"Tiada siapa yang boleh membaca apa yang ada dalam fikiran Datuk Seri Dr Mahathir ... sebab itu kita tak tahu bila pilihan raya umum akan diadakan," katanya.

Malah Anwar yang berpendapat kononnya beliau boleh "keroyok" Dr Mahathir tetapi akhirnya dia (Anwar) sendiri yang "kena keroyok", katanya.

Dr Yusof juga meminta anggota Umno supaya menolak pandangan sesetengah pihak yang mencadangkan supaya sesetengah kawasan yang dikuasai Barisan Nasional dibiarkan jatuh ke tangan pembangkang semata-mata untuk cuba merasai pemerintahan di bawah kerajaan baru.

"Kikiskan falsafah (pandangan) seperti itu daripada pemikiran dan sebaliknya tanamkan semangat rajin kerja untuk memastikan kemenangan BN nanti," katanya.

Beliau juga mengingatkan anggota parti supaya mengikis sikap mementingkan diri tetapi sebaliknya menyokong siapa sahaja yang dicalonkan oleh parti untuk bertanding dalam pilihan raya umum nanti.

Wakil Johor Datuk Haji Zainal Abidin Mohamed Zin pula meminta anggota Umno supaya mengutamakan agenda parti dan mengetepikan kepentingan diri.

Katanya mereka perlu terus menghidupkan idealisme Umno yang mengutamakan perpaduan bagi menjamin kemajuan bangsa Melayu.

Wakil Pergerakan Pemuda, Abdul Kadir Daud berkata cabaran utama yang dihadapi Umno sekarang ialah mewujudkan perpaduan sesama orang Melayu yang cuba dipecah-belahkan oleh parti pembangkang.

Beliau berkata perpaduan sesama Melayu mula tergugat apabila terdapat orang Melayu yang menubuhkan PAS kerana mengangap mereka lebih Islam daripada orang Umno.

"Penubuhan parti Keadilan baru-baru ini oleh segelintir orang Melayu yang merasakan diri mereka lebih adil daripada orang Umno juga menyebabkan perpaduan sesama Melayu semakin tergugat," katanya.

Sehubungan itu, katanya, Pemuda Umno membuat keputusan untuk meletakkan matlamat mewujudkan perpaduan sesama Melayu sebagai satu daripada beberapa agenda yang akan diperjuangkan pergerakan itu pada tahun ini.

Abdul Kadir berkata pergerakan itu berharap Dr Mahathir terus menerajui Umno kerana sebagai seorang doktor, beliau berkebolehan mengenal pasti punca-punca yang menggugat perpaduan dan mengambil langkah segera bagi menghapuskannya sebelum ia merebak.

Sementara itu, wakil Pergerakan Wanita, Hajah Hamiah Khatib Awang meminta kerajaan menambah peruntukan dan pegawai Mahkamah Syariah bagi mempertingkatkan kecekapannya.

Katanya banyak aduan dan rungutan diterima daripada isteri-isteri dan ibu tunggal mengenai kelewatan mahkamah mendengar kes cerai serta tuntutan nafkah.

"Ada tuntutan nafkah daripada anak belum sekolah sampai anak sudah

masuk sekolah menengah masih tidak dapat diselesaikan," tegas Hajah Hamiah.

Beliau berkata pergerakan itu juga mahu Kementerian Pendidikan mengambil alih sekolah-sekolah agama rakyat dan menjadikannya sekolah agama biasa serta menyeragamkan kurikulum agama di seluruh negara.

Usul ucapan Dasar Presiden itu kemudian diterima perwakilan sebulat suara.

-- BERNAMA

SBJ RON